

29/07/1997

Dr M berhak bersuara

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhak menyuarakan pendapat mengenai kegiatan spekulasi yang turut menggugat kedudukan ringgit ketika ini, kata Menteri Luar Australia, Alexander Downer.

Menurutnya, penurunan mata wang di Asia Tenggara itu turut membimbangkan Australia.

"Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri negara ini, layak untuk mendedahkan sebarang pandangan mengikut cara yang disukainya.

"Bagaimanapun, Kerajaan Australia mempunyai keyakinan terhadap kekukuhan ekonomi Asean, walaupun berlaku sedikit masalah yang menggugat kedudukan baht, baru-baru ini.

"Sebarang kelemahan yang berlaku kepada asas ekonomi di rantau ini turut merisaukan kami kerana Asean adalah antara rakan niaga kami yang terbesar," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai spekulator mata wang yang disifatkan beliau sebagai penjenayah.

(END)